

06 MAY 1996

Parlimen-Mahathir

SAYA TAK LINDUNGI SESIAPA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak melindungi sesiapa dan akan menangkap mereka yang bersalah mengikut undang-undang termasuk anak dan kawan sendiri jika mereka melakukannya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu di mana bekas Pangarah Urusan Perwaja Steel Tan Sri Eric Chia berada sekarang dan Karpal Singh (DAP-Jelutong) boleh membuat laporan polis mengenai dakwaannya (Karpal Singh) kononnya Chia kini berada di rumahnya (Dr Mahathir).

Bagaimanapun Dr Mahathir mempersoalkan keikhlasan Karpal Singh membuat laporan polis mengenai kehilangan Chia baru-baru ini.

"Banyak lagi orang hilang tetapi dia tak pernah membuat laporan. Tetapi kenapa dia berminat dengan Eric Chia? Tentulah kerana tujuan politik, tujuan memburuk-burukkan kerajaan kerana kononnya kerajaan melindungi Eric Chia," katanya ketika memberi penjelasan terhadap dakwaan yang dibangkitkan oleh Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) dan Karpal Singh ketika membahaskan usul Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7).

Lim, Ketua Pembangkang, sedang menyertai perbahasan apabila tiba-tiba Karpal Singh bangun meminta laluan untuk bertanya melalui Lim kepada Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, sama ada Eric Chia berada dalam negara atau tidak.

Perdana Menteri bangun memberi penjelasan dan ia kemudian berlarutan menjadi "perang mulut" antara beliau dengan Lim dan Karpal Singh.

Sebelum itu Lim dalam perbahasannya berkata, rakyat Malaysia tentu berasa ragu-ragu mengapa Perdana Menteri masih terlalu melindungi Chia sedangkan beliau seharusnya lebih mengambil berat tentang penipuan dan salah-pengurusan yang terlindung di sebalik skandal kewangan Perwaja.

Dr Mahathir berkata beliau berpegang kepada satu prinsip iaitu seseorang itu belum bersalah sehingga didapati bersalah walaupun ia membabitkan anggota pembangkang.

Bagaimanapun jika terbukti bersalah, beliau akan bertindak menangkap orang yang terbabit, katanya.

"Sama ada kawan saya atau anak saya, kalau salah, saya tangkap. Tetapi sebelum salah, saya tak sanggup nak mendera orang dengan cara publisiti. Ini cara parti lawan, dia tak boleh buat cara lain, dia mendera cara publisiti, buat tuduhan, dengan berselindung kerana dalam Dewan boleh cakap macam-macam. Itulah cara dia, saya tak buat macam tu," kata Dr Mahathir.

Pada suatu ketika, suasana menjadi tegang apabila Karpal Singh enggan menarik balik dakwaan kemungkinan Chia kini berada di rumah Perdana Menteri kerana bekas Pengarah Urusan Perwaja itu adalah kawan karibnya.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) membuat bantahan mengikut peraturan tetap Dewan kepada Timbalan Speaker Juhar Mahiruddin bahawa kenyataan Karpal Singh berupa sangkaan jahat dan meminta beliau segera menariknya balik.

Karpal Singh pada peringkat awal enggan berbuat demikian dengan alasan Dr Mahathir sendiri tidak membantah kenyataannya tetapi beliau akur setelah diarah beberapa kali oleh Juhar.

Mengenai dakwaan Lim bahawa ada penggunaan kuasa politik terhadap kes-kes yang dibawa ke mahkamah, Dr Mahathir menyoal balik sama ada Lim menuduhnya menguasai mahkamah kerana beliau nampaknya tidak bersetuju dengan keputusan mahkamah, keputusan pendakwa raya dan sebagainya sedangkan sistem negara ini menerima cara itu.

"Kalau tak hendak cara itu, saya tak tahulah apa sistem yang dia nak pakai, apakah dakwaan mesti dibuat oleh parti lawan (pembangkang)," kata beliau.

Pada satu ketika pula Lim turut berkata pembangkang faham mengenai sistem parlimen, sistem demokrasi ala-Mahathir atau sistem demokrasi Umno yang tidak membenarkan pertandingan.

Dr Mahathir kemudian menjawab: "Dalam Umno sudah ada lima Presiden, dalam DAP baru ada satu sahaja Setiausaha (Agung), ini kekal sampai mati, bila mati sudah sedia anak, anak akan ambil alih, ini bukan sistem demokrasi tetapi sistem feudal iaitu dinasti Lim."

"Dalam Umno kita ada pemilihan, nak tentukan sama ada nak bertanding atau tidak, kita tanya kepada ahli-ahli Umno, ahli-ahli Umno kata kita tak bertanding, maka kita tak bertanding. Dalam DAP tak pernah bertanya langsung... sekejap-sekejap saya akan letak jawatan (merujuk kepada Lim). Lepas itu saya (Lim) balik," katanya sambil menganggap DAP sebagai bersandiwara.

Dr Mahathir ketika mempersoalkan tujuan Karpal Singh membuat laporan polis mengenai kehilangan Chia hairan kerana laporan seumpama itu hanya dibuat oleh orang yang disayang.

Perdana Menteri berkata beliau mempunyai kuasa menangkap tetapi tidak melakukan penangkapan sendiri, sekadar menandatangani perintah sahaja jika perlu melakukannya.

Beliau menjawab persoalan Karpal Singh, yang mendakwa beliau tiada kuasa menangkap. Karpal Singh kemudian berkata kuasa menangkap dan kuasa menahan adalah berbeza.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung esok. -- BERNAMA  
AFY AKD